

**Puteri Umno Selar Kenyataan Nik Aziz
Bernama
22 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR 22 Feb (Bernama) -- Pergerakan Puteri Umno hari ini menyelar kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan menyifatkan kenyataan itu sebagai satu bentuk penghinaan.

Ketua pergerakan itu, Datuk Rosnah Abdul Abdul Rashid Shirlin berkata kenyataan seperti itu tidak sepatutnya keluar dari mulut seorang yang dianggap warak.

Sebaliknya, Mursyidul Am PAS itu sepatutnya menggerakkan satu tindakan untuk membantu ekonomi rakyat Kelantan dan bukannya mengeluarkan kenyataan penghinaan sedemikian.

Beliau mengulas kenyataan Nik Aziz semalam yang menyamakan pemberian BR1M sebagai 'memberikan hampas kelapa dan padi serta jerami kepada ayam dan lembu'.

"Hinakah rakyat hanya kerana mereka memerlukan bantuan dan menerima daripada kerajaan pusat?, katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Rosnah, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, turut bersetuju dengan pandangan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang hairan bagaimana seorang pemimpin PAS yang sepatutnya berpegang kepada ajaran Islam mengeluarkan kata-kata penghinaan sebegitu.

"Kata-kata hinaan yang dilemparkan oleh pembangkang hanya akan menambahkan rasa meluat serta menyampah rakyat terhadap permainan politik sempit mereka," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=929783>